

# Keputusan kurang yuran tertakluk pentadbiran UA

## Pengurusan setiap universiti berbeza, unik

Oleh Latifah Arifin  
latifah@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Majlis Naib Canselor dan Rektor Universiti Awam Malaysia menjelaskan, sebarang pengurangan yuran adalah tertakluk kepada keputusan pentadbiran setiap universiti, bagi meringankan beban pelajar masing-masing.

Pengerusinya, Prof Datuk Dr Mohammad Shatar Sabran, menegaskan pengurusan setiap universiti awam (UA) adalah berbeza dan unik.

"Perkara ini perlu diajukan kepada setiap pentadbiran UA kerana pengurusan universiti ini berbeza.

"Kecuali jika ada persetujuan... jadi tidak boleh diputuskan satu keputusan untuk semua universiti," katanya ketika dihubungi BH, di sini, semalam.

Kelmarin, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) mengambil langkah membuat pengurangan yuran pendaftaran kepada pelajar baharu semester pertama sesi

akademik 2020/2021 daripada RM1,200 kepada RM850.

Langkah itu diambil oleh UKM, ekoran penularan pandemik COVID-19 yang menyebabkan pelajarannya tidak dapat mengikuti aktiviti minggu mesra mahasiswa baharu secara bersemuka.

Mengulas perkara sama, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Arifin Abdu, berkata universiti itu sudah mengambil langkah membantu pelajarannya sejak tahun lalu dengan memperkenalkan Pakej UPM Prihatin.

"UPM antara universiti pertama memperkenalkan pelan prihatin yang bertepatan dengan saranan Kementerian Pengajian Tinggi.

"Ini termasuk pengecualian bantuan penginapan untuk Semester 1, 2020/2021 bagi sesi Oktober 2020 hingga Februari 2021 dengan kos keseluruhan berjumlah RM6.65 juta.

"Selain itu, UPM turut mengurangkan yuran kolejiat dan perkhidmatan sebanyak 15 peratus kepada semua pelajar dengan jumlah keseluruhannya adalah RM1.31 juta," katanya.

Selain bantuan kewangan, Arifin berkata, UPM turut memberikan bantuan kaunseling percuma dan membekalkan peranti dan data internet bagi pelajar B40.



*“Perkara ini perlu diajukan kepada setiap pentadbiran UA kerana pengurusan universiti ini berbeza.”*

**Mohammad Shatar Sabran,**  
Pengerusi Majlis Naib Canselor  
dan Rektor Universiti Awam

Sementara itu, Naib Canselor Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Prof Ir Dr R Badlishah Ahmad, berkata pihaknya masih mengkaji mekanisme terbaik sebelum memutuskan sebarang ketetapan pemulangan atau pengurangan yuran pelajar susulan pandemik COVID-19 masih pada tahap membimbangkan.

"Kadar yuran yang dikenakan

UniMAP masih pada paras rendah berbanding universiti lain.

"Berdasarkan tinjauan, yuran berulang dan yuran pendaftaran pelajar baharu yang dikenakan kepada pelajar UniMAP adalah 20 peratus lebih rendah berbanding universiti lain, justeru justrifikasi khusus perlu dinilai sebelum sebarang keputusan diam-bil," katanya.

R Badlishah berkata, UniMAP juga perlu mempertimbangkan pemotongan yuran berikutnya peruntukan diterima di universiti itu untuk tahun ini turut dikurangkan.

"Peruntukan yang kami terima sekadar cukup untuk menampung kos operasi universiti dengan beberapa kemudahan yang masih disewa, termasuk kedi-man pelajar.

"Bagaimanapun, UniMAP sentiasa ingin memberikan yang terbaik buat pelajar, justeru apa sahaja keputusan yang diambil pasti memberi manfaat kepada ke-dua-dua pihak," katanya.

Dalam pada itu, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pembangunan Pelajar dan Alumni), Universiti Sains Malaysia (USM), Prof Dr Aldrin Abdullah, memaklumkan universiti itu sudah memulangkan beberapa yuran pelajarannya sejak tahun lalu bagi meringankan beban mereka.